

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS(2014)**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Dato' Haji Mahfuz bin Omar**
[Pokok Sena]
TARIKH : **28 Oktober 2014 (Selasa)**
SOALAN :

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

- (a) statistik terkini penjawat awam Persekutuan serta pengambilan penjawat awam secara lantikan tetap dari tahun 2010 hingga 2014 dan adakah Kerajaan bercadang mewujudkan proses pengambilan dalam pengisian oleh penjawat awam sedia ada yang berpengalaman dan berkeelayakan untuk mengisi jawatan lebih tinggi yang dibuka pada orang awam; dan
- (b) jumlah penjawat awam mengikut gred yang akan bersara wajib pada usia 60 tahun berkuat kuasa tahun 2014 dan jumlah mereka yang disambung kontrak perkhidmatannya.

JAWAPAN : YB DATUK JOSEPH ENTULU ANAK BELAUN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Statistik terkini penjawat awam bagi pelbagai skim di peringkat Persekutuan adalah seramai 1.2 juta orang. Penjawat-penjawat awam ini sedang berkhidmat di pelbagai kementerian, jabatan dan agensi. Dalam urusan pengambilan dan pelantikan penjawat-penjawat awam di peringkat Persekutuan, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam merupakan salah sebuah Pihak Berkuasa Melantik (PBM) yang bertanggungjawab melantik penjawat-penjawat awam ke dalam Perkhidmatan Awam Am Persekutuan, Perkhidmatan Awam Bersama, Perkhidmatan Awam Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis. Dalam hubungan ini, dari tahun 2010-2014, SPA telah melantik secara tetap pegawai daripada pelbagai skim perjawatan seramai:

Tahun	Jumlah
2010	38,065
2011	19,854
2012	36,105
2013	38,659
2014 (sehingga Ogos)	21,381

** statistik di atas adalah bagi pegawai lantikan tetap sahaja.*

Secara dasarnya, Kerajaan sememangnya menimbangkan pengambilan dalam pengisian oleh penjawat awam sedia ada

yang berpengalaman dan berkelayakan untuk mengisi jawatan lebih tinggi yang dibuka kepada orang awam. Bagi urusan pengambilan yang melibatkan calon-calon Peningkatan Secara Lantikan (PSL), calon-calon dari kalangan penjawat awam yang berkelayakan dan memenuhi syarat skim perkhidmatan akan dipertimbangkan untuk dipanggil temu duga tanpa perlu menduduki peperiksaan. Sebagai contoh, urusan pengambilan Penguat kuasa Kastam W41 turut membuka peluang kepada calon-calon yang terdiri daripada kakitangan Kerajaan dalam skim perkhidmatan yang sama. Walau bagaimanapun, calon-calon ini perlu bersaing secara sihat dengan calon-calon yang terdiri dari orang awam. Persaingan ini bagi membolehkan hanya calon terbaik sahaja yang akan ditawarkan lantik seterusnya memastikan perkhidmatan awam terus berada di tahap yang terbaik untuk berkhidmat kepada rakyat.

Walaupun bagaimanapun, pengisian jawatan pentadbiran kanan (*senior management*) dilaksanakan secara kenaikan pangkat oleh pegawai-pegawai sedang berkhidmat dalam sesuatu skim perkhidmatan berkenaan. Kaedah ini dilaksanakan kerana pengetahuan, kepakaran dan kemahiran yang telah dibina sepanjang perkhidmatan pegawai berkenaan akan memastikan tadbir urus agensi awam terus berada di tahap yang memuaskan. Selain daripada itu, terdapat keadaan di mana jawatan-jawatan tertentu yang memerlukan kepakaran khusus, kaedah peminjaman pegawai dilaksanakan daripada badan berkanun termasuk Universiti.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, jumlah pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang bersara wajib dalam tahun 2014 adalah seramai 12,835 orang. Jumlah pesara yang dilantik secara kontrak (contract of service) di Kementerian/ Jabatan/ Agensi sehingga Jun 2014 adalah seramai 46 orang.

Sekian, terima kasih.